



---

**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI  
AGENCI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI  
SELANGOR BERKENAAN P.J. SENTRAL  
DEVELOPMENT SDN. BHD. (PJ SENTRAL)**

---



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN MENGENAI AGENSI, BADAN BERKANUN DAN ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI (JP-ABAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERKENAAN P.J. SENTRAL DEVELOPMENT SDN. BHD. (PJ SENTRAL)**

**1. PENDAHULUAN**

Selaras dengan Peraturan 68c. (1) – (2) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan menurut Peraturan Tetap 76 (1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga (Bajet), Penggal Ketiga, Dewan Negeri Selangor Darul Ehsan Ketiga Belas Tahun 2015 pada 30 Oktober 2015 dan 2-6 November 2015 serta 11-13 November 2015.

**2. AHLI JAWATANKUASA**

- |                                                                 |           |
|-----------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)       | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)        | Ahli      |
| 5. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)   | Ahli      |
| 6. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail<br>(ADN Kawasan Batu Tiga)    | Ahli      |
| 7. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi<br>(ADN Kawasan Sabak)         | Ahli      |

### 3. PENDENGARAN TERTUTUP

Jawatankuasa telah mengadakan pendengaran tertutup dengan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) pada 4 Februari 2015 dan 24 Februari 2015 untuk memahami dengan teliti isu PJ Sentral berikutan dengan *out-of-court settlement* yang dicapai antara Malaysian Resources Corp Bhd (MRCB) dan PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) pada 20hb Jun 2014, dimana PHSB menjual 30% ekuiti dalam PJ Sentral Development Sdn. Bhd. (PJ Sentral) kepada MRCB. Laporan Audit Dalaman PKNS untuk anak syarikatnya PHSB berkenaan isu ini telah dibentangkan dan dihuraikan kepada Jawatankuasa oleh pihak PKNS.

Pada 16 Jun 2015 Jawatankuasa mengadakan pendengaran tertutup dengan pihak MRCB untuk mendengar huraian dari sudut mereka, membuat *cross-examination* dengan Laporan Audit Dalaman PKNS serta mendapatkan maklumat lebih supaya siasatan dan penilaian Jawatankuasa ialah objektif.

Pada 23 Jun 2015 Jawatankuasa mengadakan pendengaran tertutup dengan pihak PHSB untuk mendapatkan penjelasan dan pengesahan berkenaan dengan Audit Dalaman PKNS dan kenyataan MRCB.

Selain daripada pendengaran-pendengaran tertutup, rujukan tambahan untuk penyata ini termasuk perjanjian-perjanjian yang berkaitan dengan kes ini, dokumen-dokumen mahkamah serta surat-surat dan emel-emel yang dibentangkan kepada jawatankuasa.

#### 3.1 AHLI JAWATANKUASA YANG HADIR

3.1.1 Ahli Jawatankuasa yang hadir pada 4 Februari 2015 adalah seperti berikut:

- |                                                                 |           |
|-----------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)       | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi<br>(ADN Kawasan Sabak)         | Ahli      |

|                                                               |      |
|---------------------------------------------------------------|------|
| 5. Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)      | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil) | Ahli |
| 7. Y.B. Puan Rodziah binti Ismail<br>(ADN Kawasan Batu Tiga)  | Ahli |

**3.1.2** Ahli Jawatankuasa yang hadir pada 24 Februari 2015 adalah seperti berikut:

|                                                                 |           |
|-----------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)       | Ahli      |
| 4. Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi<br>(ADN Kawasan Sabak)         | Ahli      |
| 5. Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)        | Ahli      |
| 6. Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)   | Ahli      |

**3.1.3** Ahli Jawatankuasa yang hadir pada 16 Jun 2015 adalah seperti berikut:

|                                                                 |           |
|-----------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | Ahli      |
| 3. Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)       | Ahli      |

- |    |                                                       |      |
|----|-------------------------------------------------------|------|
| 4. | Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi<br>(ADN Kawasan Sabak)  | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi<br>(ADN Kawasan Sabak)  | Ahli |

**3.1.4** Ahli Jawatankuasa yang hadir pada 23 Jun 2015 adalah seperti berikut:

- |    |                                                              |           |
|----|--------------------------------------------------------------|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib<br>(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Ng Sze Han<br>(ADN Kawasan Kinrara)                | Ahli      |
| 3. | Y.B. Puan Yeo Bee Yin<br>(ADN Kawasan Damansara Utama)       | Ahli      |
| 4. | Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi<br>(ADN Kawasan Sabak)         | Ahli      |
| 5. | Y.B. Tuan Lau Weng San<br>(ADN Kawasan Kampung Tunku)        | Ahli      |
| 6. | Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif<br>(ADN Kawasan Dengkil)   | Ahli      |

## **3.2 SAKSI/PEGAWAI YANG HADIR UNTUK MEMBERI KETERANGAN**

**3.2.1** Saksi/Pegawai Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Darul Ehsan (PKNS) yang hadir untuk memberi keterangan pada 4 Februari 2015 adalah seperti berikut:

1. Encik Azlan bin Md. Alifiah  
Pengurus Besar
2. Puan Norzila binti Sidek  
Setiausaha Syarikat

3. Puan Norita binti Sidek  
Pengurus Kanan Korporat
4. Encik Ahmad Sabki bin Yusof  
Penasihat Undang-undang

**3.2.2** Saksi/Pegawai Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Darul Ehsan (PKNS) yang hadir untuk memberi keterangan pada 24 Februari 2015 adalah seperti berikut:

1. Encik Azlan bin Md. Alifiah  
Pengurus Besar
2. Encik Ahmad Sabki bin Yusof  
Penasihat Undang-undang
3. Puan Norita binti Sidek  
Pengurus Kanan Korporat
4. Encik Mohd Siraz bin Ramli@Rusli  
Ketua Audit Dalam
5. Puan Nor Aziah binti Anuar  
Juruaudit Dalam

**3.2.3** Saksi/Pegawai Malayan Resources Corporation Berhad (MRCB) yang hadir untuk memberi keterangan pada 16 Jun 2015 adalah seperti berikut:

1. Dato' Haji Ishak bin Haji Mohamed  
Naib Presiden Eksekutif
2. Encik Mohd Imran bin Tan Sri Mohamad Salim  
Pengarah Eksekutif
3. Encik Kwan Joon Hoe  
Ketua Pegawai Operasi
4. Puan Christine Tan  
Pengurus Besar

5. Encik Aeren Bukhairi bin Mohammad  
Pengurus Besar
6. Puan Adrina Wong  
Pengurus
7. Puan Amalina binti Abdul Rashid  
Peguam
8. Encik Dhinesh Bhaskaran  
Peguam
9. Puan Lorraine Cheah  
Peguam
10. Puan Denise Tan  
Peguam
11. Dato' Salehuddin bin Saidin  
Peguam

**3.2.4** Saksi/Pegawai PKNS Holdings Sdn Bhd (PHSB) yang hadir untuk memberi keterangan pada 23 Jun 2015 adalah seperti berikut:

1. Encik Noor Hisham bin Mohd Ghouth  
Pengurus Korporat PKNS/Pengurus Besar Selgate Corporation
2. Puan Nor Azlina binti Amran  
Pengurus Kanan Kewangan
3. Puan Sapna binti Turmudi  
Pengurus Perundangan
4. Y.M. Tengku Khairil Azwan bin Tengku Abdul Samad  
(Bekas Akauntan Kanan Bahagian Korporat PKNS)  
Worldwide Holdings Bhd
5. Puan Rashidah binti Abu Bakar  
Tetuan Edlin Ghazaly & Associates

## 4. LATAR BELAKANG

### 4.1. Kronologi

4.1.1 Pada bulan Mac 2006, Bisraya Construction Sdn. Bhd. (BCSB) telah mengemukakan cadangan kepada PKNS untuk membina semula Menara Ibu Pejabat Korporat PKNS di tapak tanah seluas 9.854 ekar di Lot 12, Petaling Jaya.

4.1.2 Cadangan ini supaya PKNS menjual 8.054 ekar tanah tersebut kepada BCSB dengan pembayaran kepada PKNS berjumlah RM74.6 juta yang terdiri daripada:

- i. Wang tunai berjumlah RM13 juta dibayar semasa menandatangani perjanjian; dan
- ii. Pulangan dalam bentuk *in-kind* berjumlah RM61.6 juta iaitu pembinaan ibu pejabat PKNS yang baru di atas tapak seluas 1.8 ekar.

*Catatan: Harga tanah RM 212 s.k.p*

4.1.3 Mesyuarat Ahli-Ahli Perbadanan bil. 1/2006 bertarikh 3 April 2006 telah meluluskan cadangan tersebut.

4.1.4 Sehubungan itu, PKNS dan BCSB telah menandatangani Perjanjian Jual Beli Tanah (*Sale and Purchase Agreement*) pada 6 September 2007.

4.1.5 Bagaimanapun, Mesyuarat Ahli-Ahli Perbadanan bil. 02/2008 bertarikh 5 Mei 2008 telah mengarahkan PKNS untuk membina ibu pejabatnya sendiri manakala penjualan tanah seluas 8.054 ekar antara PKNS dan BCSB diteruskan pada harga yang telah dipersetujui bersama. Pulangan dalam bentuk *in-kind* berjumlah RM61.6 juta iaitu pembinaan ibu pejabat PKNS yang baru ditukar dalam bentuk tunai kepada PKNS.

4.1.6 Sehubungan itu, satu Perjanjian Jual Beli Tambahan (*Supplemental Agreement to Sale and Purchase Agreement*) telah ditandatangani pada 25 Julai 2008. Perjanjian ini menetapkan kaedah bayaran tunai berjumlah RM61.6 juta dibuat secara enam (6) kali ansuran. Pada 22 Jun 2010, BCSB telah menjelaskan bayaran ansuran terakhir kepada PKNS.

- 4.1.7 Pada permulaan 2010, PKNS sekali lagi menukar keputusannya dan mencadangkan supaya PKNS membangunkan lot tanah seluas 9.584 ekar ini secara usahasama dengan BCSB.
- 4.1.8 Pada 1 Mac 2010, sebuah Memorandum of Understanding (MOU) telah ditandatangani oleh pihak PKNS dan BCSB untuk menubuhkan sebuah syarikat usahasama.
- 4.1.9 Pada 24 Ogos 2010, Mesyuarat Ahli-Ahli Perbadanan PKNS bil 3/2010 telah meluluskan pegangan ekuiti PKNS dalam syarikat usahasama baru sebanyak RM57.94 juta atau 30% yang dibiayai melalui suntikan seperti berikut:

| Perkara (Ekuiti)            | Peratusan (%) | RM Juta       |
|-----------------------------|---------------|---------------|
| Nilai tanah seluas 1.8 ekar | 18.27         | 35.284        |
| Tunai                       | 11.73         | 22.664        |
| <b>Jumlah</b>               | <b>30.00</b>  | <b>57.984</b> |

*Catatan: Harga tanah RM450 s.k.p*

- 4.1.10 Pada bulan September 2010, PKNS melalui anak syarikatnya PKNS Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) telah menandatangani *Shareholders Agreement* bersama Nusa Gapurna Development Sdn. Bhd. (NGSB) untuk menubuhkan syarikat usahasama P.J Sentral Development Sdn. Bhd. (PJ Sentral). Objektif penubuhan PJ Sentral adalah untuk melaksanakan projek pembangunan PJ Sentral Garden City yang seluas 9.85 ekar.

*Catatan: NGSB merupakan anak-syarikat yang ditubuhkan oleh Gapurna Group (BCSB adalah anak syarikat Gapurna Group) untuk menyatukan land bank Gapurna Group.*

- 4.1.11 Nilai pembangunan kasar ataupun *Gross Development Value* (GDV) bagi projek pembangunan PJ Sentral Garden City adalah berjumlah RM 2.2 billion dengan anggaran keuntungan berjumlah RM640 juta. Tempoh pembangunan projek adalah selama lapan (8) tahun.
- 4.1.12 *Shareholders Agreement* telah menetapkan Ahli Lembaga Pengarah PJ Sentral terdiri daripada 3 pegawai mewakili NGSD dan 2 pegawai mewakili PHSB.

4.1.13 Berdasarkan *Director's Circular Resolution* (DCR) PHSB bertarikh 3 Disember 2010, Y.Bhg Dato' Othman bin Omar atau Tuan Haji Roslan Bin Baharuddin dilantik sebagai *Company's Representative* kepada PHSB.

4.1.14 Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PJ Sentral yang pertama telah diadakan pada 8 Disember 2010 dan dihadiri oleh 2 wakil PKNS iaitu Y. Bhg. Dato' Othman bin Omar dan Tuan Haji Roslan Bin Baharuddin.

4.1.15 Butiran nama Ahli Lembaga Pengarah dan tempoh perkhidmatan adalah seperti berikut:

| Bil | Asal              |                     | Ganti 1    |               | Ganti 2                        |               |
|-----|-------------------|---------------------|------------|---------------|--------------------------------|---------------|
|     | Nama              | Tempoh              | Nama       | Tempoh        | Nama                           | Tempoh        |
| 1   | Roslan Baharuddin | 3/12/2010-19/6/2011 | Nor Azlina | 27/6/1-3/6/12 | Datin Paduka Norazlina Zakaria | 4/6/12 – kini |
| 2   | YB Azmin Ali      | 21/1/11-kini        |            |               |                                |               |

4.1.16 Mesyuarat Lembaga Pengarah PJ Sentral bilangan ke-2 bertarikh 27 Januari 2011 telah bersetuju untuk menubuhkan *Joint Project Management Committee* (JPMC) bagi memantau pelaksanaan projek PJ Sentral Garden City.

4.1.17 Ahli JPMC terdiri daripada dua wakil daripada setiap pihak di mana PKNS telah diwakili oleh Encik Noor Hisham bin Mohd Ghouth (lantikan bermula pada Januari 2011) dan Puan Norzila binti Sidek (lantikan bermula pada 7 Mei 2012). Peranan dan tanggungjawab JPMC ialah melihat dan memantau bajet syarikat dan pengurusan projek, meluluskan isu-isu yang melibatkan nilai perbelanjaan di bawah RM5 juta, mendapatkan kelulusan Lembaga Pengarah bagi nilai perbelanjaan melebihi RM5 juta serta mendapat keputusan Lembaga Pengarah bagi mana-mana isu yang tidak dapat diputuskan di peringkat JPMC. Mesyuarat pertama JPMC telah diadakan pada 22 September 2011.

4.1.18 Pada 8 Februari 2013, MRCB telah mengumumkan di Bursa Malaysia bahawa mereka telah memasuki perjanjian bersama Nusa Gapurna bagi pembelian saham berjumlah RM729 juta. Transaksi ini meliputi juga ekuiti NGSB dalam PJ Sentral.

4.1.19 PHSB berpendapat bahawa ia mempunyai 3 opsyen berdasarkan *Shareholders Agreement* bagi menangani isu penjualan saham oleh NGSB dalam PJ Sentral iaitu:

- i. *Drag-Along Rights (Klausu 8.1)*
- ii. *Tag-Along Rights (Klausu 8.3)*
- iii. *Pre-Emptive Rights (Klausu 7.2)*

Rujuk kepada Lampiran 1 untuk senarai klausa-klausa ini.

4.1.20 PKNS berpendapat bahawa ia berhak untuk menuntut *Pre-Emptive Rights* dalam *Shareholders Agreement* untuk membeli 70% saham milik NGSB dalam PJ Sentral.

4.1.21 Pada 19 Jun 2013, PHSB telah memfailkan saman terhadap NGSB dan MRCB di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk membatalkan urusan penjualan saham NGSB kepada MRCB dengan menuntut *Pre-Emptive Rights* dalam *Shareholders Agreement*.

4.1.22 Walaubagaimanapun, pada 27 Februari 2014, PHSB telah kalah dalam kes mahkamah ini.

4.1.23 Berikutan dengan nasihat firma guaman, PKNS/PHSB telah mencapai *out-of-court settlement* dengan MRCB dan NGSB.

4.1.24 Pada 20 Jun 2014, *Settlement Agreement* telah ditandatangani oleh kedua-dua pihak bersama dengan *Share Sales Agreement* and *Development Agreement*.

4.1.25 Menurut perjanjian-perjanjian ini, kedua-dua pihak mempersetujui bahawa:

- i. PHSB menjual 30% ekuiti PJ Sentral yang bernilai RM 85.3 juta kepada MRCB.
- ii. MRCB menjual *development right* untuk membangunkan *Tower 2* dalam Projek PJ Sentral Garden City yang bernilai RM 91.1 juta kepada PHSB.

*Catatan: Pembangunan Tower 2 merangkumi pembangunan 80,130 meter persegi net floor area (NFA), iaitu 32.5% daripada jumlah NFA Projek PJ Sentral Garden City.*

- iii. PHSB membayar perbezaan nilai (RM 91.1 juta – RM 85.4 = RM 5.8 juta) RM 5.8 juta secara tunai kepada MRCB.
- iv. PHSB menanggung yuran perkhidmatan peguam MRCB dalam kes mahkamah sebanyak RM 1.7 juta.
- v. PKNS perlu mebina Tower 2 dalam tempoh 7 tahun. Jika tidak, MRCB berhak untuk membeli balik *development right* ini dengan harga pasaran.

#### **4.2. Audit Dalaman PKNS**

4.2.1 PKNS telah menjalankan pengauditan dalaman untuk membuat penilaian awal sama ada individu yang dilantik sebagai:-

- i. *Company's Representative*; dan
- ii. Ahli Lembaga Pengarah PJ Sentral

telah melaksanakan tanggungjawabnya bagi melindungi kepentingan PKNS/PHSB berkaitan *Shareholders Agreement (SA)* dan pindaan *Memorandum and Articles (M&A)*.

4.2.2 Pengauditan dalaman PKNS telah dijalankan daripada peringkat perundingan penubuhan PJ Sentral sehingga cadangan penjualan saham oleh NGSB kepada MRSB iaitu dari tahun 2010 hingga bulan Mac 2014. Pengauditan dijalankan melalui semakan dokumen yang meliputi minit mesyuarat Lembaga Pengarah, surat-menyurat syarikat, *Shareholders Agreement*, *Agreement of Appointment as Project Coordinator*.

4.2.3 Di samping itu, sesi temu bual turut diadakan oleh pasukan Audit Dalaman PKNS bersama pegawai-pegawai yang terlibat seperti:

- i. Encik Noor Hisham bin Mohd Ghouth sebagai Pengurus Korporat pada 4 April 2014;
- ii. Cik Rashidah Abu Bakar dari Tetuan Edlin Ghazaly & Assc. dan Puan Sapna bt Turmidi sebagai Pengurus Perundangan pada 8 April 2014;

- iii. Puan Hajah Nor Azlina bt Amran sebagai bekas Ahli Lembaga Pengarah PJ Sentral; dan
- iv. Y.M Tengku Khairil Azwan bin Tengku Abdul Samad sebagai bekas Akauntan Kanan (Bahagian Korporat PKNS).

## **5. PENEMUAN AUDIT DALAMAN PKNS**

### **5.1 Penglibatan Pegawai PKNS dalam penyediaan dan semakan Shareholders Agreement dan Memorandum and Article (M&A)**

5.1.1 Pihak Audit mendapati pegawai yang telah terlibat secara langsung dalam penyemakan SA dan M&A adalah Encik Noor Hisham bin Mohd Ghouth (Pengurus Korporat), Puan Sapna bt Turmidi (Pengurus Perundangan), Cik Rashidah Abu Bakar (Peguam Edlin Ghazaly & Assc.) serta wakil dari NGSB.

5.1.2 Namun telah wujud percanggahan kenyataan dari pihak-pihak yang terlibat seperti berikut:

i. Encik Noor Hisham Mohd Ghouth sebagai Pengurus Korporat dalam sesi temubualnya dengan pihak Audit Dalaman PKNS menyatakan:

- a. Beliau tidak terlibat di peringkat awal penubuhan syarikat termasuk proses penyediaan dan penyemakan *Shareholders Agreement*.
- b. Beliau memaklumkan wakil PKNS yang terlibat dalam perundingan bagi merangka dan menyemak SA dan M&A ialah Y.Bhg Dato' Othman Bin Omar, Tuan Haji Roslan Bin Baharuddin, Pegawai Khas Pengurus Besar iaitu Encik Radha Nadarajah, Pengurus Perundangan iaitu Puan Sapna bt Turmidi dan wakil Tetuan Edlin Ghazaly & Associates.
- c. Berhubung dengan pindaan M&A syarikat, beliau memaklumkan pindaan M&A asal telah dibuat di peringkat Mesyuarat Pemegang Saham yang dihadiri oleh Y.Bhg Dato' Othman bin Omar sebagai *Company's Representative* PHSB dan Y.Bhg Dato' Salim, wakil dari NGSB. Pindaan M&A tersebut hanya dimaklumkan kepada Lembaga Pengarah dan JPMC setelah diluluskan.

ii. Hasil sesi temubual bersama Cik Rashidah, wakil Tetuan Edlin Ghazaly & Associates yang dilantik sebagai peguam PKNS/PHSB dalam menyemak deraf *Shareholders Agreement* dan M&A dan Puan Sapna bt. Turmidi selaku Pengurus Perundangan:

- a. Cik Rashidah menyatakan *Shareholders Agreement* telah dirangka oleh Tetuan Shearn Delamore & Co, peguam yang dilantik oleh NGSB. Tetuan Edlin Ghazaly & Associates telah dilantik oleh PKNS bagi menyemak dan memberi pandangan perundangan ke atas deraf *Shareholders Agreement* dan M&A tersebut.
- b. Beliau juga memaklumkan beberapa sesi perbincangan telah diadakan bagi menyemak serta membincangkan deraf *Shareholders Agreement* dan M&A. Perbincangan dihadiri oleh Encik Noor Hisham dan Puan Sapna wakil dari PKNS, wakil Tetuan Edlin Ghazaly dan wakil NGSB di mana Encik Noor Hisham selaku Pengurus Korporat telah mempengerusikan sesi perbincangan tersebut.
- c. Puan Sapna juga mengesahkan bahawa Pengurus Korporat terlibat secara aktif dalam menyemak *Shareholders Agreement* dan M&A tersebut sebelum perjanjian dimuktamadkan.
- d. Cik Rashidah juga memaklumkan Tetuan Edlin telah mengemukakan surat pada 14 Mac 2011 bagi mendapatkan pengesahan sama ada PHSB bersetuju dengan pindaan M&A. Encik Noor Hisham melalui surat bertarikh 31 Mac 2011 telah memaklumkan Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PJ Sentral bertarikh 22 Mac 2011 telah meluluskan pindaan M&A tersebut.
- e. Cik Rashidah memaklumkan tiada penglibatan Y.Bhg Dato' Othman bin Omar dan Tuan Haji Roslan bin Baharuddin dalam sesi perbincangan menyemak *Shareholders Agreement* manakala penglibatan Encik Radha Nadarajah juga adalah minima.
- f. Puan Sapna turut menyatakan bahawa penglibatan beliau dalam perbincangan tersebut amat terhad memandangkan PKNS telah melantik Tetuan Edlin Ghazaly & Assc. untuk menyemak dan memberi pandangan berhubung *Shareholders Agreement*.

Pada pandangan pihak Audit Dalaman PKNS, kenyataan dari En Noor Hisham bahawa beliau tidak terlibat semasa proses penyediaan dan penyemakan *Shareholders Agreement* dibuat bercanggah dengan kenyataan oleh Cik Rashidah yang disokong oleh Puan Sapna bahawa En Noor Hisham terlibat secara aktif dalam perundingan dan penyemakan *Shareholders Agreement* dan M&A.

## **5.2 Pindaan Article 26(a) Memorandum and Article (M&A)**

Laporan peguam juga menyatakan Mesyuarat Lembaga Pengarah PJ Sentral bertarikh 22 Mac 2011 telah sebulat suara bersetuju dengan pindaan tersebut. Edaran *Circular Resolution* (CR) telah dibuat pada hari yang sama dan telah ditandatangani oleh Tuan Haji Roslan bin Baharuddin, Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik mewakili PKNS pada ketika itu.

Bagaimanapun, pihak Audit Dalaman PKNS tidak dapat mengesahkan perkara di atas kerana *Circular Resolution* (CR) dan minit mesyuarat berhubung pindaan masih belum diperolehi.

## **5.3 Shareholders Agreement (SA) telah menetapkan pelantikan Gelanggang Harapan Construction Sdn. Bhd. sebagai *Project Coordinator***

5.3.1 *Shareholders Agreement* telah menetapkan Gelanggang Harapan Construction Sdn. Bhd. (GHCSB) dilantik sebagai kontraktor utama dan dibayar yuran perkhidmatan pada kadar asas 12% (biasanya, kadar ini adalah 2%).

5.3.2 GHCSB merupakan salah sebuah syarikat dalam Kumpulan Gapurna.

5.3.3 PJ Sentral dan GHCSB telah menandatangani *Agreement of Appointment as Project Coordinator* pada 9 Jun 2011.

5.3.4 Semakan Audit ke atas perjanjian mendapati perjanjian pelantikan *Project Coordinator* tersebut telah ditandatangani oleh Tuan Haji Roslan bin Baharuddin iaitu ahli Lembaga Pengarah PJ Sentral.

5.3.5 Hasil sesi temubual pihak Audit bersama:

i. Encik Noor Hisham

Beliau memaklumkan pelantikan tersebut adalah di luar pengetahuan beliau kerana segala perbincangan hanya melibatkan Tuan Haji Roslan bin Baharuddin dan Pegawai Khas Pengurus Besar iaitu Encik

Radha Nadarajah. Ini termasuklah penetapan yuran perkhidmatan sebanyak 12% daripada jumlah kos pembinaan.

ii. Cik Rashidah dan Puan Sapna Turmudi

Cik Rashidah menyatakan tiada perbincangan diadakan antara beliau dengan PKNS dan NGSB berhubung perlantikan *Project Coordinator* walaupun lantikan tersebut dinyatakan di dalam *Shareholders Agreement*. Oleh itu, beliau tidak dapat memberi pendapat berhubung lantikan GHCSB.

Pada pendapat Audit Dalaman PKNS, wujud beberapa kelemahan semasa penyediaan dan penyemakan *Shareholders Agreement* dan M&A PJ Sentral seperti berikut:

- i. Tiada perbincangan dalaman diadakan secara teratur oleh PKNS dan peguam Tetuan Edlin Ghazaly & Associates bagi membincangkan secara terperinci setiap klausa dan implikasi-implikasi PKNS/PHSB sebagai pemegang saham minoriti. Kebanyakan perbincangan terus dibuat secara bersama semasa perbincangan dengan pihak NGSB;
- ii. Encik Noor Hisham sebagai *negotiator* bagi pihak PKNS memaklumkan beliau tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam terutamanya yang melibatkan *commercial decision*. Pada masa yang sama, PKNS tidak mewujudkan *task-force* yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kemahiran untuk terlibat dalam menyemak deraf *Shareholders Agreement* dan M&A.
- iii. Penglibatan Puan Sapna sangat minimum dalam sesi perbincangan deraf *Shareholders Agreement* dan M&A walaupun beliau sebagai Pengurus Perundangan atau *Gate-keeper* kepada isu berkaitan terma perjanjian yang melibatkan PKNS. Semua tanggungjawab diserahkan sepenuhnya pada Peguam Luar yang dilantik;
- iv. Tiada rekod bertulis yang lengkap dan minit mesyuarat atas perbincangan yang dibuat berhubung *Shareholders Agreement* dan M&A antara kedua-dua pihak. Ini menyukarkan pihak PKNS membuat semakan atau rujukan semula berhubung perbincangan dan keputusan yang telah dibuat oleh pihak yang terlibat.

#### 5.4 Lantikan Strategic Alliance Sdn Bhd Bagi Perkhidmatan Shared Services

Selain itu, Audit Dalaman PKNS juga mendapati bahawa Strategic Alliance Sdn Bhd yang merupakan Kumpulan Gapurna telah dilantik untuk melaksanakan perkhidmatan perakaunan, pentadbiran, setiausaha syarikat dan kewangan. Kos yang terlibat bagi melaksanakan perkhidmatan ini adalah RM 1.54 juta pada tahun 2010, RM 2.87 juta pada tahun 2011 dan RM 2.69 juta pada tahun 2011.

#### 6. PENGESAHAN DENGAN PIHAK MRCB

Dalam perjumpaan dengan pihak MRCB, Jawatankuasa mengesahkan kronologi peristiwa, menjalankan *cross-examination* dengan menyemak penemuan Audit Dalaman PKNS dan mendapatkan maklumat baru berkenaan dengan kes ini.

Keterangan MRCB telah diberi oleh Encik Mohd Imran bin Tan Sri Mohamad Salim, Pengarah Eksekutif MRCB. Pihak MRCB menghuraikan kronologi peristiwa PJ Sentral dari sudut mereka daripada 6 September 2007 *Sales & Purchase Agreement* 20 Jun 2014 *out-of-court-settlement* sehingga 25 September 2014 *completion of 30% sale shares in PJ Sentral*.

Antara perkara yang telah dijelaskan kepada Jawatankuasa ialah:

- i. Keputusan PKNS untuk mengadakan usahasama untuk membangunkan tanah PJ Sentral Garden City adalah munasabah daripada segi pembangunan supaya pembangunan 1.8 ekar tanah PKNS adalah lebih efisien (tiada had *set-back*, boleh kongsi car-park dll)
- ii. Peningkatan penilaian tanah yang drastik dari RM 212 k.p.s pada tahun 2008 (penjualan tanah kepada BCSB) kepada RM 450 k.p.s pada tahun 2010 (syarikat usahasama) adalah disebabkan pada masa itu, NGSB telah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang bagi nisbah plot tanah 1:6 mengikut Rancangan Tempatan Petaling Jaya (RTPJ).
- iii. Perkara yang dibangkitkan oleh Audit Dalaman daripada segi pelantikan subdiari Nusa Gapurna termaksud GHCSB dan Strategic Alliance untuk memberi perkhidmatan kepada PJ Sentral merupakan amalan biasa untuk semua anak syarikat Gapurna Group dan ini juga bertujuan untuk mencapai "cost and tax efficiency".

- iv. Syarikat audit PWC dilantik untuk memberi nasihat terhadap struktur syarikat. Yuran perkhidmatan GHCSB pada kadar 12% adalah peratus *standard* yang dicaj untuk semua anak-anak syarikat pembangunan Gapurna Group untuk tujuan penyelarasan antara anak-anak syarikat untuk memastikan dasar “transfer pricing” tidak akan digunapakai terhadap syarikat-syarikat Gapurna Group.
- v. Pindaan M&A adalah supaya ia selaras dengan Klausa 15.4 *Shareholders Agreement*. Pemindaan Artikel 26 M&A adalah hanya salah satu daripada banyak pindaan. Lembaga Pengarah PJ Sentral telah setuju dengan pindaan tersebut dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Ketiga pada 22 Mac 2011. (Rujuk kepada Lampiran 2 untuk minit mesyuarat yang dicatatkan oleh pihak NGSB.)
- vi. Encik Noor Hisham dan Puan Sapna terlibat secara aktif sejak penyediaan perjanjian PJ Sentral.

MRCB juga memberi maklumat tambahan kepada Jawatankuasa: -

- i. Pada 18 Oktober 2011, PHSB telah menulis surat kepada Nusa Gapurna untuk memaklumkan bahawa PHSB akan cagarkan 30% saham yang dimiliki dalam PJ Sentral kepada HSBC.
- ii. Sebelum mendapatkan surat peguam daripada PHSB untuk menuntut *pre-emptive rights*, pihak PKNS/PHSB pernah mengadakan dua perjumpaan (5 Mac 2013 dan 8 April 2013) dengan MRCB untuk membincang opsyen *tag-along*.
- iii. Pada 14 Jun 2013, PKNS telah melalui syarikat peguam Shook Lin & Bok menawarkan RM 220 juta kepada NGSB untuk membeli secara tunai 70% daripada saham yang dimilikinya dalam PJ Sentral. (Rujuk kepada Lampiran 3 untuk surat tawaran tersebut).
- iv. Harga RM 220 juta yang ditawarkan itu adalah jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Harga ini adalah lebih daripada tawaran MRCB iaitu RM 199 juta, yang sudah pun kira-kira 30% lebih tinggi daripada harga pasaran.

*Catatan: Menurut transkrip mahkamah, Datin Paduka Norazlina Binti Zakaria berkata beliau dan Dato Othman Omar telah menawarkan RM200 juta kepada NGSB pada 8 April untuk membeli 70% ekuiti PJ Sentral tanpa*

mandat Lembaga Pengarah. (Rujuk kepada Lampiran 4 Alasan Penghakiman Kes PJ Sentral)

- v. NGSB tidak menerima tawaran ini kerana apabila penawaran ini dibuat, NGSB telah pun memasuki Perjanjian Jual Beli Saham dengan MRCB untuk 70% ekuiti tersebut dan NGSB mesti menunaikan Perjanjian tersebut dan pada waktu ini tawaran PKNS adalah terlalu lewat kerana tarikh Mesyuarat Agung MRCB untuk meluluskan *Share Sales Agreement* dengan Gapurna Group sudah sangat dekat (20 Jun 2013) dan NGSB telah pun memasuki perjanjian dengan MRCB sebelumnya.
- vi. Dalam pengendalian dengan PKNS/PHSB, kebiasaannya BCSB/NGSB akan mengirim minit mesyuarat ataupun hasil perbincangan kepada PKNS melalui e-mel tetapi PKNS kadang-kala tidak membalas.
- vii. Encik Imran juga telah diminta JP-ABAS memberi butir-butir bertulis berkenaan wakil-wakil PKNS Holdings Sdn. Bhd. Yang berunding dengan pihak NGSB, dan memberi maklum balas berkenaan pengendalian dengan PKNS bahawa PKNS sering kali tukar pembuat keputusan yang sering kali mengakibatkan pertukaran keputusan.

*“In every area of negotiation there was different set of people that we will deal with. That’s the interesting part of PKNS because all the time we’ll end up dealing with different sets of people with different ideas, so things change very rapidly every few years” (Transkrip Pendengaran Tertutup, 16 Jun 2015)*

## **7. PENGESAHAN DENGAN PIHAK UTAMA YANG TERLIBAT**

Encik Noor Hisham bin Mohd Ghouth sebagai Pengurus Korporat dan Pemangku Pengurus Besar PHSB, Puan Sapna bt Turmidi sebagai Pengurus Perundangan dan Cik Rashidah Abu Bakar dari tetuan Edlin Ghazaly & Associates telah dijemput untuk memberi keterangan kepada Jawatankuasa untuk menjelaskan percanggahan kenyataan mereka dalam Audit Dalaman serta memberi maklumat lanjut daripada:

Kenyataan Encik Noor Hisham:

- i. Semua keputusan mengenai PJ Sentral adalah dibuat oleh “bos dia” iaitu Y.Bhg. Dato’ Othman bin Omar (Pengurus Besar PKNS) serta Lembaga Pengarah PKNS. Encik Radha Nadarajah yang

- iv. Beliau mengakui bahawa beliau terlibat dalam mesyuarat *Shareholders Agreement* apabila klausa *drag-along*, *tag-along* dan *pre-emptive rights* dibincang. Selepas dibaca dengan minit Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 22 Mac 2011 yang dibekalkan oleh MRCB, beliau baru mengakui bahawa beliau juga mengetahui tentang pelantikan GHCSB dan Strategic Alliance.
- v. Perakuan ini adalah selaras dengan kenyataan pihak-pihak lain yang terlibat seperti NGSB/MRCB, Pn Sapna dan Cik Rashidah. Walaubagaimanapun, perakuan ini juga telah menunjukkan bahawa kenyataan beliau kepada Audit Dalam PKNS adalah tidak benar.
- vi. Walaubagaimanapun, beliau berkali-kali menafikan bahawa beliau bertanggungjawab untuk semua keputusan yang dibuat kerana beliau hanya adalah desk-officer.
- vii. Menurut beliau, jika PHSB tidak memanjangkan kes ke mahkamah, tiada perubahan akan berlaku dengan ekuiti PHSB dalam PJ Sentral, hanya syarikat usahama akan bertukar daripada NGSB kepada MRCB.
- viii. Bagi isu penawaran RM 220 juta kepada NGSB untuk pembelian 70% ekuiti PJ Sentral tanpa kelulusan Lembaga Pengarah PHSB ataupun PKNS, beliau berkata PHSB membuat penawaran ini selepas menerima arahan daripada Pengerusi Lembaga Pengarah PKNS pada masa itu.
- ix. Apabila ditanya sama ada amalan sebegini bercanggah dengan *corporate governance policy* ataupun kod etika PKNS dimana penawaran yang begitu besar boleh dibuat tanpa kelulusan Lembaga Pengarah, beliau hanya jawab bahawa ini adalah budaya PKNS. ("*This is the culture,*" kata beliau.)

Kenyataan Puan Sapna:

- i. Puan Sapna berkata beliau tidak bertanggungjawab meneliti perjanjian *Shareholders Agreement* kerana pada waktu itu, PKNS tidak mempunyai Jabatan Perundangan. Beliau hanya bertanggungjawab untuk isu-isu perundangan berhubung operasi PKNS.
- ii. Beliau hanya menghadiri satu mesyuarat PJ Sentral sahaja.

- iii. Walaubagaimanapun, dalam pentadbiran pengurus besar baru ini, pada masa hadapan beliau akan bertanggungjawab kepada sebarang perjanjian yang melibatkan PKNS.
- iv. PKNS sedang mengkompilasikan *Corporate Governance Policy* dan dijangka siap dalam tempoh dua bulan lagi.

Kenyataan Cik Rashidah:

- i. Apabila ditanya oleh Jawatankuasa penglibatan Encik Noor Hisham dalam perundingan *Shareholder Agreement*, Cik Rashidah berkata beliau tidak mempunyai pandangan bahawa Encik Noor Hisham tidak mampu membuat keputusan secara berdikari seperti yang didakwa oleh Encik Noor Hisham bahawa dia hanya setakat desk-officer.
- ii. Klausula *drag-along*, *tag-along* dan *pre-emptive rights* dalam SA merupakan klausa-klausa yang biasa digunakan.
- iii. Jika M&A adalah berbeza daripada *Shareholders Agreement*, maka M&A akan diberi kepentingan daripada *Shareholders Agreement* dalam mahkamah kerana *Shareholders Agreement* merupakan perjanjian awal dan M&A adalah dipersetujui oleh pemegang saham selepas menandatangani *Shareholders Agreement*. Pindaan M&A supaya selaras dengan SA ialah amalan biasa korporat.

## 6. PENEMUAN JAWATANKUASA


- 6.1 Audit Dalaman yang diadakan hanya menumpukan fokus kepada kejadian 2010-2014.
- 6.2 PKNS/PHSB menukar pendirian berbilang kali mengenai tanah PJ Sentral bermula 2008:
  - i. Julai 2008: Memutuskan bahawa PKNS akan membangunkan ibu pejabat sendiri dan meminta BCSB untuk menukarkan pembayaran *in-kind* kepada wang tunai RM 61.6 juta untuk tanah 8.054 ekar.
  - ii. Mar-Sep 2010: Memutuskan bahawa PKNS harus mengusahasama tanah 9.854 ekar bersama dengan BCSB dengan menyuntik masuk 1.8 ekar tanah dan RM 22.664 juta

tunai untuk mendapatkan 30% ekuiti syarikat usahasama PJ Sentral.

- iii. April 2013: Memutuskan untuk mendapatkan 70% ekuiti PJ Sentral dengan menuntut *pre-emptive rights* dalam *Shareholders Agreement*. (Sekiranya tiada apa-apa dibuat, pegangan ekuiti PKNS/PHSB dalam PJ Sentral tidak akan bertukar, hanya syarikat usaha sama akan ditukar dari NGSB kepada MRCB)

### 6.3 Penukaran pendirian PKNS yang kerap mengakibatkan:

- i. 2006 hingga 2008: PKNS melepaskan pemilikan 8.054 ekar tanah di PJ Sentral dengan pulangan RM 74.6 juta ataupun RM 212 s.k.p. (Dua tahun kemudian, pada tahun 2010, apabila menetapkan pegangan ekuiti untuk PJ Sentral, harga tanah meningkat ke RM 450 s.k.p.)
- ii. 2010 hingga 2014: PKNS masuk dan terpaksa keluar daripada PJ Sentral dengan ekuiti PJ Sentral 30%, tanah 1.8 ekar dan wang tunai pada tahun 2010 dan 2014. Secara ringkas, PKNS membelanja jumlah wang tunai RM 28.464 juta (RM 22.664 juta melalui *Shareholder Agreement* pada tahun 2010 dan RM 5.8 juta melalui *out-of-court settlement* pada tahun 2014) untuk mendapatkan *development right* bagi 32.5% NFA Projek PJ Sentral Garden City atas 1.8 ekar tanah sendiri. Secara keseluruhannya, nilai tambahan bersih yang didapati oleh PKNS/PHNS dengan wang tunai ini hanyalah kelulusan Kebenaran Merancang dan kelebihan sedikit NFA.



- 6.4 Terdapat percanggahan kenyataan antara saksi-saksi dalam Audit Dalaman PKNS. Apabila memberi keterangan kepada Jawatankuasa, Encik Noor Hisham memberi keterangan yang berbeza daripada keterangan beliau kepada Audit Dalaman tetapi selari dengan saksi-saksi lain serta pihak MRCB.
- 6.5 Walaupun sudah meminta semasa pendengaran tertutup, Jawatankuasa tidak menerima rekod bertulis yang lengkap dan minit mesyuarat atas perbincangan yang dibuat berhubung *Shareholders Agreement* dan M&A daripada pihak PKNS/PHSB.
- 6.6 Encik Noor Hisham sebagai pengurus koporat PKNS dan Puan Sapna sebagai *Gate-keeper* pengurus perundangan PKNS tidak rasa mereka bertanggungjawab atas kesilapan PKNS dalam mengendalikan PJ Sentral.
- 6.7 Menurut alasan penghakiman (*Grounds of Judgement*) kes PJ Sentral (Lampiran 4) antara PHSB dan Nusa Gapurna/MRCB bertarikh 14 April 2014 oleh Yang Arif Hasnah bin Dato Mohammed Hashim, beliau menyifatkan saksi pertama PHSB Dato Othman Omar sebagai pahlawan yang tidak berminat untuk melawan ("disinterested knight") dengan huraian seperti di bawah:-

*"This court would have expected a General Manager to take extraordinary interest into matters which has great financial consequences and impact on the company. However Plaintiff Witness1 (PW1) could not even remember whether e-mails or letters were exchanged with regards to the transaction. PW1 is the Plaintiff's key witness and yet failed to play a pivotal role in establishing the case for the Plaintiff. To my mind, it is akin to sending a disinterested knight to fight a battle royal that would surely end in a doomed 'crusade'"*

Ini menunjukkan bahawa PKNS/PHSB tidak bersedia untuk memanjangkan kes ini ke mahkamah. Akhirnya, PKNS/PHSB kena membayar RM 1.7 juta yuran perkhidmatan peguaman MRCB.

- 6.8 Jawatankuasa memandang berat penawaran RM220 juta kepada MRCB untuk membeli 70% ekuiti PJ Sentral tanpa kelulusan lembaga pengarah PKNS ataupun PHSB. Walaupun penawaran ini tidak diterima oleh NGSB, Jawatankuasa khuatir ini merupakan *modus operandi* PKNS dalam membuat keputusan untuk anak-anak syarikat.

- 6.9 Jawatankuasa memandang berat kejadian ketiadaan minit mesyuarat diambil oleh PKNS/PHSB dalam perbincangan yang melibatkan kepentingan yang begitu besar untuk PKNS dan anak syarikatnya.
- 6.10 Jawatankuasa berpendapat bahawa pengendalian PKNS dalam isu PJ Sentral adalah sangat tidak memuaskan dimana keputusan korporat (corporate decision) bertukar berkali-kali.
- 6.11 Jawatankuasa berpendapat bahawa kakitangan PKNS dan PHSB telah melanggar Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge) dalam proses pengendalian kes ini.
- 6.12 Jawatankuasa memandang serius budaya kakitangan PKNS yang menerima arahan dari “bos” tanpa mengira kod etik korporat.
- 6.13 Jawatankuasa juga memandang serius budaya melepaskan tanggungjawab dan tidak mempunyai amalan akauntabiliti di kalangan pegawai-pegawai PKNS semasa mengendalikan kes PJ Sentral.

## **7. SARANAN JAWATANKUASA**

- 7.1 Kerajaan Negeri dan PKNS masing-masing hendaklah menyelesaikan penyiasatan menyeluruh yang terhenti (tidak diteruskan) termasuk penyiasatan audit terhadap penjualan 8.054 ekar tanah di PJ Sentral pada harga RM 74.6 juta (tahun 2006) oleh PKNS itu sendiri serta pihak-pihak yang terlibat dalam pengendalian kes PJ Sentral.
- 7.2 Jawatankuasa berpendapat terdapat kecuaiian di kalangan kakitangan PKNS/PHSB dalam mengendalikan kes PJ Sentral. Oleh itu, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan PKNS mengambil tindakan disiplin korporat terhadap kakitangan-kakitangan yang bertanggungjawab.
- 7.3 Walaupun PKNS telah pun menandatangani perjanjian integriti (*Integrity Pact*), Jawatankuasa masih berpendapat terdapat keperluan untuk Kerajaan Negeri memastikan PKNS dan semua anak syarikatnya mempunyai dasar tadbir urus korporat (*corporate governance policy*) yang komprehensif dan menghayati amalan ketelusan/transparensi supaya kes PJ Sentral tidak diulangi lagi.
- 7.4 Kerajaan Negeri hendaklah memastikan semua kakitangan PKNS dan anak-anak syarikatnya mengutamakan dasar tadbir urus korporat dan bukannya melaksanakan arahan daripada mana-mana pihak atasan tanpa sebarang penjelasan yang konkrit tanpa mempersoalkan.

Perkara seperti PJ Sentral di mana tawaran besar dibuat tanpa kelulusan lembaga pengarah perlu dielakkan. Budaya seperti ini perlu diubah.


- 7.5 Kerajaan Negeri hendaklah memastikan segala perjanjian yang ditandatangani memberikan pulangan yang baik kepada PKNS, terutamanya perjanjian yang melibatkan nilai yang tinggi seperti PJ Sentral.
- 7.6 Mulai sekarang, penasihat undang-undang PKNS perlu bertanggungjawab sepenuhnya untuk segala perjanjian yang melibatkan PKNS dengan pihak ketiga kerana penasihat undang-undang merupakan *gate-keeper* sesebuah organisasi seperti PKNS. Jika didapati penasihat undang-undang melepaskan tanggungjawab sebagai *gate-keeper*, maka penasihat undang-undang tersebut patut diambil tindakan keras terhadapnya.
- 7.7 Kerajaan Negeri hendaklah memastikan PKNS dan anak-anak syarikat yang lain membuat keputusan korporat untuk jangka masa panjang dan tidak ditukar dengan sewenang-sewenangnya seperti kes PJ Sentral bagi memastikan kesinambungan operasi (kecuali ada sebab yang konkrit yang melibatkan isu-isu penting).

## **8. PENUTUP**

